



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
MINISTRY OF HOUSING AND LOCAL GOVERNMENT

**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**  
Unit Komunikasi Korporat  
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana  
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564  
Faks : 03 8891 5557  
Laman Web : [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)  
Email : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)  
Twitter : @kpkt\_gov  
Facebook/ : KPKT Malaysia

---

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4Klt.46 (89)

Tarikh : 19 Disember 2021

---

## SIARAN MEDIA

---

### **28,272 ORANG ANGGOTA BOMBA DIARAH BERSIAP SEDIA DAN HAMPIR 5000 ANGGOTA BOMBA TELAH DIKERAH BAGI MISI BANJIR DI NEGERI SELANGOR**

---

**SHAH ALAM, 19 Disember 2021** – YB Dato'Sri Reezal Merican Naina Merican, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengadakan lawatan turun ke Pusat Gerakan Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Negeri Selangor. Tinjauan dilakukan bagi mendapatkan taklimat penuh kesiapsiagaan JPBM dalam menghadapi keadaan semasa situasi banjir di luar jangkaan di negeri Selangor serta di seluruh negara.

Jumlah taburan hujan yang lebih tinggi dari biasa telah menyebabkan enam(6) buah negeri terlibat dalam bencana banjir ini iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan, Pahang, Kelantan dan Terengganu. Setakat ini seramai 4,819 orang anggota bomba termasuk Pasukan Bomba Bantuan (PBB) telah diatur gerak untuk membantu kerja-kerja menyelamatkan dan membawa mangsa ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS). Bagi negeri terlibat, sebanyak 125 kenderaan angkut dan 214 bot telah digerakkan oleh JBPM ke kawasan terlibat banjir.

JBPM juga terlibat dalam operasi banjir luar jangka di negeri Selangor apabila beberapa kawasan seperti Seksyen 13, Klang, Shah Alam dan sekitar Kuala Lumpur telah dinaiki air secara mendadak. Justeru, seramai 1,855 anggota telah digerakkan dalam operasi menyelamatkan dan memindah mangsa banjir di sekitar negeri berkenaan. Negeri Selangor mencatat panggilan kecemasan tertinggi dengan jumlah panggilan sebanyak 1,929 berbanding jumlah keseluruhan 1,747 sehingga 19 Disember 2021.

Menurut YB Dato' Sri Reezal Merican Naina Merican, "Kementerian melalui JBPM telah menyiapkan kekuatan seramai **12,839 keanggotaan JBPM, 1,874 keanggotaan PBB dan 13,559 keanggotaan PBS dengan jumlah keseluruhan sebanyak 28,272 orang**. Manakala seramai 4,069 orang anggota pasukan khas di seluruh negara terdiri daripada PPDA, EMRS, HAZMAT dan STORM telah turut diarah untuk bersedia dalam operasi banjir Monsun Timur Laut 2021 ini".

Beliau turut menegaskan bahawa barisan anggota JBPM telah berada dalam siapsiaga bersama-sama NADMA, ATM, PDRM, Angkatan Pertahanan Awam dan agensi lain yang terlibat untuk melaksanakan operasi bencana banjir ini. Tambah beliau, persediaan JPBM juga melibatkan kekuatan logistik darat dan air seperti *fire rescue tender*, kenderaan angkut, bot aluminium, transmisi pacuan empat roda dan lain-lain aset JBPM berjumlah 1,259 buah unit. Bilik Gerakan MTL juga telah diaktifkan di semua negeri.

Kementerian ingin menasihatkan orang ramai agar lebih peka dan berwaspada dalam memastikan keselamatan diri dan keluarga semasa musim banjir ini serta kekal menjaga SOP bagi mengelakkan penularan COVID-19. Orang ramai dinasihatkan untuk menghubungi talian kecemasan *Nasional Disaster Command Centre* (NDCC) di 03-8064 2400 sekiranya memerlukan bantuan kecemasan dan juga balai-balai bomba berdekatan.

#KPKTPrihatin #PasukanKPKT

#BekerjaBersamaRakyat #KeluargaMalaysia

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).*

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan  
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : [media.ukk@kpkt.gov.my](mailto:media.ukk@kpkt.gov.my)

